

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2016/2017

NAMA KURSUS	:	BIMBINGAN DAN KAUNSELING
KOD KURSUS	:	BBD 30302
KOD PROGRAM	:	BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2016/JANUARI 2017
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN BAHAGIAN A,C DAN D: BUKU JAWAPAN BAHAGIAN B: BORANG OMR

TERBUKA

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG LAPAN (8) MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A (15 markah)**Isi tempat kosong.**

- S1** Bimbingan dan kaunseling mempunyai teknik-teknik tertentu terutama semasa mengendalikan sesi kaunseling. Salah satu teknik yang digunakan adalah _____.

- S2** Kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas yang paling penting sekali di dalam kaunseling kerana mendengar berkaitan rapat dengan memberi tumpuan. Proses yang terlibat dalam kemahiran mendengar adalah _____, _____, _____ dan _____.

- S3** Menyoal dan konfrontasi adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat khusus tentang klien dan masalah. Terdapat dua jenis soalan iaitu _____ dan _____.

- S4** Kemahiran refleksi adalah merupakan satu kemahiran _____.

- S5** Definisi pengertian kaunseling mengikut (Pepinsky and Pepinsky (1954) adalah _____.

- S6** Kaunseling bertujuan untuk menolong klien menyesuaikan diri dengan masyarakat, tetapi kaunseling sebenarnya menolong klien untuk _____.

- S7** Prinsip – prinsip bimbingan dan kaunseling adalah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling boleh dilakukan oleh mana – mana guru yang berada di sekolah tersebut bagi menyelesaikan _____ dan _____.

- S8** Tujuan dasar atau tujuan asas bimbingan adalah mengembangkan kebolehan memilih _____ sendiri.

- S9** Sifat seorang kaunselor adalah _____.

- S10** Tanggungjawab seorang kaunselor sekolah membantu dalam menyelaras _____ dan _____.

TERBUKA

BAHAGIAN B (25 markah)

S11 “Cikgu Atikah merupakan seorang kaunselor yang peramah dan digemari oleh pelajar di sekolahnya. Beliau sentiasa terbuka untuk mendengar permasalahan yang dikongsi daripada pelajar. Sikap beliau sebagai seorang pendengar yang baik membuatkan pelajar berasa percaya dan selamat apabila berkongsi masalah bersama beliau”.

Berdasarkan situasi di atas, pilih sifat kaunselor yang bersesuaian dengan kenyataan tersebut.

- a) Tidak menghukum
- b) Ketulenan
- c) Ketepatan
- d) Penerimaan dan Kemesraan

S12 Antara ciri-ciri yang baik dalam diri seorang kaunselor adalah tidak mudah menghukum. Pilih pernyataan yang tidak benar tentang sifat tidak mudah menghukum.

- I. mendengar cerita keseluruhan sebelum melakukan tindakan
- II. mendengar dari ramai pihak yang terlibat untuk mengetahui cerita sebenar
- III. mendengar dari pihak yang ditindas sahaja
- IV. hukuman terus diberikan kepada pelajar yang terlibat.

- a) I sahaja
- b) II dan III
- c) III dan IV
- d) I,II,III dan IV

S13 Terdapat lima prinsip etika kaunselor kecuali

- a) kemurahan hati
- b) autonomi
- c) sopan santun
- d) kejujuran

**TERBUKA**

- S14** Ciri - ciri bimbingan adalah
- I. inventori
 - II. taksiran
 - III. pencegahan
 - IV. pemulihan
- a) I dan II
 - b) II dan III
 - c) I, II dan III
 - d) I,II,III dan IV
- S15** Kod tatalaku guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa adalah
- a) tanggungjawab terhadap keluarga
 - b) tanggungjawab terhadap masyarakat
 - c) tanggungjawab terhadap negara
 - d) tanggungjawab terhadap diri sendiri
- S16** Masalah umum yang sering dihadapi oleh pelajar – pelajar di sekolah hari ini dapat di kategorikan kepada aspek seperti
- I. akademik
 - II. kesihatan mental
 - III. emosi
 - IV. gaya hidup
- a) I dan II
 - b) II dan IV
 - c) I, II dan III
 - d) I,II,III dan IV
- S17** Akauntabiliti guru terhadap profesionnya dapat dikekalkan dengan langkah-langkah berikut kecuali
- a) menjalin hubungan yang baik dengan rakan sejawat
 - b) melaksanakan tanggungjawab dengan sepenuh hati
 - c) mematuhi semua peraturan yang dikuatkuasakan
 - d) meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan profesi

S18 Seorang guru yang bertauliah perlu mempunyai sifat dan kualiti profesional yang tinggi untuk

- a) keselamatan dan kejayaan pelajar
- b) kebijakan dan pembinaan sahsiah
- c) kemajuan murid dalam peperiksaan
- d) keberkesan dan kecekapan pengajaran dan pembelajaran

S19 Pilih kenyataan yang bukan merupakan sifat seorang kaunselor

- a) tenang
- b) penerimaan
- c) ketulenan
- d) menghukum

S20 Siapakah tokoh yang mencipta Teori Psikologi?

- a) Alfred Adler
- b) Alfred Ellis
- c) Albert Alfred
- d) Adler Alfred

S21 Teori Realiti telah diasaskan oleh William Glasser (1966), di mana Teori ini menegaskan bahawa manusia mempunyai kebebasan, boleh membuat pilihan serta bertanggungjawab terhadap pilihan tersebut.

Berdasarkan kepada pernyataan di atas, menilai kendiri merupakan salah satu daripada lapan (8) proses teori realiti. Apakah yang dimaksudkan dengan menilai kendiri?

- a) Kauselor mesti menjalankan hubungan baik dengan klien
- b) Klien diberi tanggungjawab menilai tingkah laku sendiri
- c) Pelan ini mesti disemak dari semasa ke semasa
- d) Tumpukan kepada tingkah laku semasa klien

TERBUKA

- S23** Menurut pandangan tokoh-tokoh teori Behavioris terhadap manusia ialah manusia mampu memberi respons terhadap ransangan yang sesuai dan apa yang telah mereka pelajari sahaja. Manakah antara tokoh-tokoh berikut yang merupakan tokoh dalam teori behavioris?
- I. Ivan Pavlov
II. B.F. Skinner
III. Joseph Wolpe
IV. Hans Eysenck
- a) I dan II
b) I dan III
c) I,II dan III
d) I, II, III dan IV
- S24** Kebebasan berfikir kepada klien, fokus kepada kesempurnaan diri dalam membina tingkah lakunya dan mementingkan emosi daripada unsur-unsur intelektualisme dalam hubungan kaunseling. Penyataan ini menjelaskan tentang ciri-ciri
- a) Teori Permusatan Persorangan
b) Teori Kognitif
c) Teori Behavioris
d) Teori Rasional Emotif
- S25** Terdapat lima prinsip etika dalam bimbingan iaitu *autonomy*, *beneficence*, *nonmaleficence*, *justice* dan *fidelity*. Antara berikut, yang manakah dimaksudkan dengan *fidelity*?
- a) Menghindari daripada melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan mudarat kepada klien
b) Kejujuran dan keikhlasan di antara klien dan kaunselor
c) Berupaya untuk memahami implikasi dan akibat daripada pilihan yang dibuat
d) Melakukan sesuatu yang baik dan berfaedah

**TERBUKA**

BAHAGIAN C (10 markah)

Padankan jawapan yang benar.

S26	Definisi bimbingan	(A)	Bertanggung jawab mengumpul dan merekodkan butiran-butiran berkaitan dengan penilaian dan pentafsiran minat pelajar
S27	Panduan mendengar yang berkesan	(B)	Satu disiplin falsafah yang mengambil berat terhadap perbuatan manusia dan moral dalam membuat keputusan
S28	Takrif kaunseling	(C)	Petunjuk tentang cara melakukan sesuatu
S29	Contoh situasi yang melibatkan empati	(D)	Tidak buat penilaian dan hukuman
S30	Soalan terbuka	(E)	Perbincangan rapi tentang masalah yang dihadapi oleh seseorang dan usaha mengatasi atau menyelesaiannya menerusi bimbingan dan nasihat
S31	Pengertian Teori Perlakuan	(F)	Menyekat respon klien
S32	Definisi Etika Bimbingan dan Kaunseling	(G)	“saya tidak tahu apa yang hendak lakukan lagi. Saya acap kali memikirkan masalah ini. Ayah dan ibu seolah-olah tidak memahami bahawa saya sudah tidak peduli lagi terhadap kehendak mereka.”
S33	Tugas Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah.	(H)	Memahami klien yang unik dan mempunyai tingkahlaku yang berbeza
S34	Soalan tertutup	(I)	Memerlukan jawapan yang panjang
S35	Jenis <i>Behaviour</i>	(J)	Anaknya mengamuk

TERBUKA

BAHAGIAN D (50 markah)

- S36** a) Senaraikan lima (5) kesan terhadap kes-kes buli yang pernah berlaku di sekolah. (5 markah)
- b) Masalah gejala buli dalam kalangan remaja pada hari ini semakin berleluasa. Nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan gejala buli ini berlaku. (5 markah)
- c) Pada pendapat anda mengapakah gejala buli sering terjadi dan bagaimana cara untuk mengurangkan gejala ini daripada terus berlaku. Huraikan. (15 markah)
- S32** a) Senaraikan dua (2) bidang pelajaran dalam bimbingan & kaunseling. (2 markah)
- b) Nyatakan dua (2) jenis bidang pelajaran dalam bimbingan dan kaunseling dan berikan contoh. (8 markah)
- c) Bagi memastikan bahawa matlamat dan objektif perkhidmatan bimbingan dan kaunseling tercapai, kaedah penyampaian dan perkhidmatan kepada kumpulan sasar adalah amat penting. Huraikan setiap bidang pelajaran bimbingan & kaunseling berserta kaedah penyampaiannya kepada klien. (15 markah)

-SOALAN TAMAT-

TERBUKA